

UTM.03/10.12/3 (47)

**PEKELILING PENTADBIRAN PEJABAT BENDAHARI BIL 3/2010**

**TATACARA PAKAIAN PEJABAT**

Pekeliling ini dikeluarkan bertujuan untuk menerangkan tatacara pakaian yang sesuai dipakai ke pejabat bagi staf Pejabat Bendahari. Pihak universiti khususnya melalui Pekeliling Pentadbiran Bil 5/2006 telah menggariskan panduan / tatacara berpakaian kerja staf UTM.

Pihak pengurusan mengambil perhatian yang serius terhadap pemakaian yang sesuai ke pejabat. Pakaian pejabat seharusnya perlu menonjolkan ciri- ciri sopan, korporat, kemas dan segar. Berikut merupakan garis panduan tatacara pakaian pejabat yang perlu dipatuhi oleh semua staf Pejabat Bendahari.

**TATACARA PAKAIAN PEJABAT BAGI WANITA :**

**DIBENARKAN:**

1. Pakaian hendaklah daripada fabrik yang tidak tipis/ nipis dan tidak terlalu ketat sehingga menampakkan susuk tubuh
2. Bagi fabrik baju yang jarang, adalah dinasihatkan supaya memakai 'camisole' atau kain dalam atau pakaian tersebut di'lining'.
3. Pakaian yang dipakai hendaklah sopan dan menutup bahagian anggota
4. Pemakaian baju kemeja dan seluar / skirt labuh hendaklah mengikut konsep 3 pieces.
5. Pemakaian baju yang digalakkan ialah baju kurung (biasa/ Pahang/ moden) atau baju kebaya
6. Staf hendaklah memakai baju batik pada setiap hari Khamis

**DILARANG:**

1. Pemakaian skirt berpol-ropol/ berombak-ombak
2. Pemakaian blaus labuh (baju bersiar-siar)
3. Pakaian yang ketat sehingga menampakkan susuk tubuh yang ketara (perut, punggung)
4. Kain berbelah di mana selisih potongan kain yang sangat kecil
5. Pakaian dari fabrik nipis dan tidak memakai 'camisole' atau kain dalam atau pakaian tersebut tidak di'lining'.
6. Memakai selipar di dalam pejabat KECUALI ke tandas atau ke surau

## TATACARA PAKAIAN PEJABAT BAGI LELAKI :

### DIBENARKAN:

1. Pakaian bagi staf hendaklah berkemeja dan berseluar (slack) warna gelap. Bagi staf Kumpulan A & B, mereka dikehendaki memakai tali leher.
2. Baju kemeja hendaklah disisip kemas ke dalam seluar.
3. Pemakaian kasut hendaklah bersesuaian dengan persekitaran kerja dan staf digalakkan memakai kasut berwarna gelap.
4. Sekiranya staf memakai Baju Melayu pada hari Jumaat, sila pastikan pemakaian Baju Melayu hendaklah lengkap **BERSAMPING** dan **BERSONGKOK**.
5. Staf hendaklah memakai baju batik pada setiap hari Khamis.

### DILARANG:

1. Memakai selipar di dalam pejabat **KECUALI** ke tandas atau ke surau
  2. Berambut panjang
- Pekeliling Pentadbiran PBUTM Bil 3/2010 ini berkuatkuasa mulai **1 Mac 2010**.



**MOHAMED BIN ABDULLAH**  
Bendahari,  
UTM Skudai  
Tarikh:

(seperti yang dipersetujui melalui Mesyuarat Pengurusan PBUTM Bil 2/2009 pada 16 Julai 2009)